

# Oposisi ikrar sokong Najib

TEMERLOH, Isnin — Pengerusi DAP Pahang, Encik Lim Ong Hang, yang merupakan pembangkang tunggal dalam Dewan Undangan Negeri, berikrar akan bekerjasama dengan kerajaan baru pimpinan Datuk Najib Tun Razak bagi memesatkan lagi pembangunan di negeri ini.

Beliau yang mengalahkan calon Barisan Nasional, Encik Ngau Boon Min yang juga Ahli Exco Kerajaan Negeri di kawasan negeri Bandar Triang dengan

kelebihan 335 undi, yakin kerajaan baru negeri ini akan lebih menitik beratkan lagi pembangunan untuk rakyat.

Katanya, walaupun beliau pembangkang tunggal di Dewan Negeri, ini tidak bererti beliau tidak akan memberikan kerjasama kepada kerajaan baru itu.

"Soal pembangunan rakyat hendaklah diambil berat kerana mandat yang diberikan oleh rakyat itu merupakan hasrat dan cita-cita mereka yang mahukan

pembangunan lebih pesat lagi," katanya.

Encik Lim menegaskan, sekarang bukannya masa untuk mencari siapa salah dan siapa benar, tapi adalah masa untuk memastikan segala rancangan yang diatur berjalan lancar.

Beliau merayu rakyat di negeri ini melupakan sementara peristiwa pilihanraya lalu dan menumpukan kepada usaha memesatkan lagi kegiatan ekonomi di negeri ini. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib